

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2013

PINDAAN TERMA DAN PERUBAHAN HAD UMUR

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

PINDAAN

1. Terma KPSL yang berkuat kuasa dipinda kepada peningkatan secara lantikan (PSL) yang merujuk kepada suatu urusan pelantikan pegawai daripada skim perkhidmatan yang rendah kepada skim perkhidmatan yang lebih tinggi secara pelantikan baharu yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkaitan.
2. Perubahan had umur bagi pelantikan secara PSL ditetapkan seperti berikut:
 - a) 54 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 dan 56 tahun;
 - b) 56 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun ; dan
 - c) 58 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
3. Perubahan ini terpakai kepada semua skim perkhidmatan yang mempunyai perbekalan KPSL dan KPSL secara istimewa.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2013**